

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, December 1, 2015 9:07 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: DPP PROTON ANJUR PROGRAM WE ARE HERE TO SERVE YOU



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

1 DISEMBER 2015, SELASA | 19 SAFAR 1437H



DPP PROTON: DPP Proton Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil inisiatif awal bagi perancangan aktiviti tahun 2016 dengan menganjurkan program We Are Here To Serve You di Galeri DPP Proton.

Program yang dijalankan pada 22, 23 dan 24 November 2015 itu bertujuan mendengar maklum balas daripada warga DPP Proton mengenai perancangan aktiviti tahun 2016.

Program yang julung kali diadakan ini adalah bagi memberikan peluang sama rata kepada semua warga DPP Proton terutama para pelajar siswazah tempatan dan antarabangsa untuk sama-sama terlibat dan berkongsi pengalaman untuk melaksanakan aktiviti yang berkualiti di peringkat UUM, tempatan dan antarabangsa.

Selain itu program ini juga dijalankan bagi mengeratkan lagi ukhuwah antara pihak pentabiran dengan pelajar DPP Proton.

Program dimulakan dengan ucapan serta penerangan tentang halatuju DPP Proton oleh Penolong Pengetua, Prof Madya Dr Azharuddin Khalil. Seterusnya, edaran borang maklum balas kepada semua pelajar untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Program ini turut dihadiri oleh semua Penolong Pengetua DPP Proton dan staf pentadbiran pejabat DPP Proton.

Program ini diakhiri dengan jamuan makan malam menu tempatan seperti nasi ayam, nasi tomato dan nasi hujan panas.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>